

BANTUAN INSTITUSI / BADAN DAKWAH

OBJEKTIF

1. Aktiviti Anjuran MIS atau agensi di bawah naungannya:

Bantuan kewangan khusus untuk membantu aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Majlis Islam Sarawak atau agensi dibawah naungannya.

2. Institut Pengajian Tinggi (IPT)/Pusat pengajian:

Menyediakan bantuan kewangan kepada Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dan pusat pengajian bagi membantu pelajar-pelajar Islam Sarawak daripada keluarga dhaif yang mempunyai masalah kewangan untuk tujuan keperluan hidup di institusi tersebut.

3. Badan Organisasi/Institusi :

Menyediakan bantuan kewangan kepada Jabatan, Institusi, dan badan organisasi Islam untuk tujuan melaksanakan aktiviti pendidikan, kebajikan dan keagamaan di Sarawak.

KEKERAPAN

1. **Aktiviti Anjuran MIS/ Atau agensi di bawah naungannya** : Mengikut keutamaan dan keperluan.
2. **Institut Pengajian Tinggi (IPT)/ Pusat pengajian** : Tertakluk kepada adanya permohonan. Bantuan diberikan sekali sahaja dalam setahun (secara *one-off*).
3. **Badan Organisasi/Institusi** : Tertakluk kepada adanya permohonan. Bantuan diberikan sekali sahaja dalam setahun (secara *one-off*).

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Aktiviti Anjuran MIS atau agensi di bawah naungannya :

Menerima arahan atau permohonan daripada pihak Majlis Islam Sarawak untuk membiayai program atau aktiviti yang akan dilaksanakan.

2. Institut Pengajian Tinggi (IPT)/Pusat Pengajian :

- I. Institut Pengajian Tinggi (IPT)/Pusat pengajian hendaklah diiktiraf oleh pihak Kerajaan.
- II. Khusus untuk Institut Pengajian Tinggi (IPT)/pusat pengajian yang telah mendapat persetujuan peringkat tertinggi Institut Pengajian Tinggi (IPT)/Pusat Pengajian tersebut.
- III. Menyertakan Surat Permohonan dan kertas kerja.
- IV. Bagi permohonan pertama hendaklah menghantar laporan aktiviti penggunaan dana bantuan tersebut.
- V. Bagi permohonan berulang, hendaklah disertakan laporan aktiviti penggunaan dana bantuan yang telah dilaksanakan (Tahun sebelumnya).

3. Badan Organisasi/Institusi :

- I. Merupakan organisasi/institusi yang berdaftar dengan Kerajaan atau diiktiraf oleh Majlis Islam Sarawak.
- II. Mengemukakan surat permohonan bersama dengan kertas cadangan program tahunan.
- III. Menyertakan sebuah kertas cadangan bagi pelaksanaan program bulanan atau tahunan.
- IV. Mempunyai struktur organisasi yang teratur dan berhala tuju.
- V. Bagi permohonan pertama hendaklah menghantar laporan aktiviti penggunaan dana bantuan tersebut.
- VI. Bagi permohonan berulang, hendaklah disertakan laporan aktiviti penggunaan dana bantuan yang telah dilaksanakan (Tahun sebelumnya).

DOKUMEN YANG DIPERLUKAN (JIKA BERKAITAN)

1. Surat Permohonan.
2. Kertas kerja.
3. Laporan Program dan Aktiviti Tahunan.
4. Laporan siasatan ke atas Institut Pengajian Tinggi (IPT), Pusat pengajian, Badan organisasi, Institusi dan yang berkaitan yang tidak berdaftar dengan pihak Kerajaan.
5. Salinan buku akaun (IPT/Pusat pengajian/Badan organisasi/Institusi dan yang berkaitan).
6. Salinan sijil atau surat pendaftaran.